

Atasi banjir di lapangan terbang

Georgetown: Jabatan Pengairan dan Saliran (JAS) negeri diberi tanggungjawab menyiapkan laporan Pelan Induk Saliran Air Ribu Barat Daya bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Tugasan diberikan Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang itu adalah kaedah mencari jalan penyelesaian terbaik menyelesaikan masalah orang awam.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, berdasarkan pelan berkenaan, pihaknya dapat menilai kaedah dan langkah penyelesaian terbaik bagi menghadapi situasi luar jangka, terutama masalah banjir kilat.

Menurutnya, pelan jangka pendek itu akan diteliti secara berterusan supaya dapat mengatasi masalah banjir yang sering berlaku.